



Headline : Deleum rancang bida kontrak RM2 billion  
Media : Utusan Malaysia / Ekonomi  
Day/Date : 17 May 2013  
Page : 27  
Links :

### Deleum bidding for RM2 billion jobs

# Deleum rancang bida kontrak RM2 bilion

Oleh NUR NAZLINA NADZARI  
ekonomi@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 16 Mei

- Penyedia perkhidmatan industri minyak dan gas, Deleum Bhd., (Deleum) merancang untuk memperkuatkan perniagaan serantau dengan membida kontrak bernilai RM2 bilion pada tahun ini.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Nan Yusri Nan Rahimy berkata, pembidaan itu membatkan perniagaan teras syarikat yang meliputi segmen tenaga dan jentera, perkhidma-

tan medan minyak serta penyelenggaraan dan baik pulih.

Katanya, kini syarikat mempunai kontrak bernilai RM1.4 bilion yang bertahan sehingga 2018.

“Kontrak bernilai RM1.4 bilion itu kebanyakannya adalah projek domestik tetapi terdapat sebahagian kecil projek daripada itu merupakan projek luar negara iaitu di Indonesia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada sidang akbar selepas mesyuarat agung tahunan Deleum di sini hari ini.

Nan Yusri memberitahu, rancangan tersebut adalah selari dengan rancangan serantau syarikat menjelang 2015.

Jelasnya, antara negara yang disasarkan adalah Brunei, Indonesia, Thailand dan beberapa negara Asia Barat seperti Arab Saudi, Qatar dan Oman.

“Manakala dua atau tiga negara lagi akan ditambah dan menjadi tumpuan akan dilakukan menerusi ejen jualan, mewujudkan anak syarikat atau usaha sama,” ujarnya.

Tambah beliau, tahun ini

syarikat memperuntukkan RM45 juta untuk perbelanjaan modal bagi meningkatkan peralatan dan infrastruktur.

Dalam pada itu, Deleum mencatatkan pertumbuhan untung sebelum cukai sebanyak 47.6 peratus kepada RM67.5 juta bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2012 berbanding RM45.7 juta bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Pendapatan kumpulan telah meningkat sebanyak 19.4 peratus dari RM396.3 juta tahun sebelumnya kepada RM473.2 juta.